

Tarikh Dibaca: 08 Julai 2016

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MUHASABAH MELALUI TARBIAH
MADRASAH RAMADHAN”***

***Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2016

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS





"MUHASABAH MELALUI TARBIAH MADRASAH RAMADHAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ
حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

¹ Surah al-Ahzab ayat 21



Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Saya mengingatkan diri saya dan hadirin sekalian marilah sama-sama kita meningkatkan ilmu dan amal agar iman kita terus menjadi mantap dan kukuh berteraskan ajaran Agama Islam yang Allah turunkan. Semoga kita akan menjadi insan yang bertaqwa disisi Allah SWT.

Mimbar jumaat hari ini akan membicarakan topik yang amat baik dengan tajuk **"MUHASABAH MELALUI TARBIAH MADRASAH RAMADHAN"**

Sidang Jumaat Yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah kita telah sama-sama berjaya melalui suatu modul latihan selama sebulan dalam madrasah Ramadhan. Kita telah sama-sama melalui suatu tarbiyah atau pendidikan fizikal dan rohani yang sangat mencabar.

Kini Ramadhan telah berlalu dengan meninggalkan seribu satu kenangan manis. Kita masih terasa keseronokan berada dibulan Ramadhan dengan pelbagai program dan aktiviti yang dilalui samada bersendirian, bersama keluarga mahupun bersama rakan dalam kariah dimasjid atau surau. Masih terasa seronoknya berbuka puasa secara jamaei, bersedekah dan menyumbang makanan, bersolat jamaah dan tarawih, bertadarus alquraan, beriktikaf di masjid dan lain-lain aktiviti kebajikan. Semuanya seolah-olah hanya menjadi perbualan yang diulang-ulang bicara saban tahun. Persoalannya apakah itu yang dikehendaki melalui tarbiyah Ramadhan yang kita sama-sama lalui? Para hukama' pernah berkata "Setiap hari yang dilalui oleh seorang Mukmin hendaklah lebih baik daripada hari-hari sebelumnya, jika sekiranya ia sama sahaja atau lebih buruk daripada hari-hari sebelumnya maka ia adalah sesuatu yang membawa kebinasaan". Demikian juga yang kita harapkan agar madrasah Ramadhan yang kita lalui



baru-baru ini mampu menjadikan kita sebagai muslim yang beriman dan lebih baik daripada hari-hari sebelumnya. Bahkan mampu membawa kita kejalan orang-orang yang bertakwa di sisi Allah SWT.

Muslimin yang di rahmati Allah,

Ramadhan yang berlalu banyak meninggalkan janji-janji manis kepada jiwa dan hati orang-orang yang beriman. Madrasah Ramadhan adalah pusat latihan bagi memupuk keimanan melalui tarbiyah fizikal dan rohani. Secara zahirnya fizikal orang yang berpuasa adalah lebih baik dari keadaan fizikal orang yang perutnya sentiasa kenyang. Rasulullah SAW sering memilih berpuasa atau mengosongkan perutnya untuk tujuan beribadah kepada Allah SWT. Ini kerana Baginda menyatakan bahawa perut yang kosong akan memudahkan untuk mengawal hawa nafsu. Sesungguhnya kerosakan dan kebinasaan kepada kehidupan manusia di dunia ini banyak didorong oleh kebejatan hawa nafsu yang tidak terkawal. Hal ini telah diterangkan oleh Allah SWT dalam al-quran, surah Yusuf ayat 53;

﴿ وَمَا أَكْبَرُ نُفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾

"Dan tiadalah Aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang Yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

Hadirin yang dirahmati Allah,



Solat adalah ibadah utama kepada setiap manusia yang beriman. Madrasah Ramadhan telah mentarbiah kita supaya istiqamah dalam ibadah solat sunat di samping menunaikan solat yang wajib 5 waktu. Ramai yang berpusa tapi tidak menunaikan solat 5 waktu, demikian juga ramai yang menunaikan solat tarawih tetapi tidak istiqamah menunaikan solat 5 waktu. Demikian juga ramai yang memenuhi ruang-ruang masjid bagi menunaikan ibadah dibulan Ramadhan, tetapi tidak meneruskannya selepas Ramadhan. Mereka adalah orang-orang yang amat rugi kerana gagal menghayati dan meraih keberkatan yang di turunkan oleh Allah sepanjang bulan Ramadhan. Persoalannya kenapakah terjadi hal yang demikian?

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ
عَمَلِهِ: صَلَاتُهُ.

"Sesungguhnya amalan pertama seseorang hamba yang dihisab pada hari kiamat ialah solatnya".

(Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi).

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Bulan Ramadhan juga merupakan bulan al-quran diturunkan. AlQuran adalah kitab panduan untuk memandu hidup manusia didunia dan akhirat. Tidak dinafikan telah menjadi kelaziman masyarakat islam bertadarus di bulan Ramadhan untuk meraih pahala yang berganda. Tetapi perlu di sedari bahawa al-quran bukan sekadar dituntut pada bacaan sahaja, ianya perlu difahami, dihayati, diamali, ditekuni dan disebar luaskan ilmunya untuk mendapat



keberkatan didunia dan syafaati ilahi di akhirat kelak. Lazimnya mentadurus al-quran hanya dilakukan dibulan Ramadhan sahaja namun sebaliknya ia menjadi sunyi sepi tanpa kedengaran seruan ilahi tersebut pada bulan-bulan yang lain.

Bagaimanakah al-Quran dapat dijadikan panduan dalam menjalani urusan kehidupan pada setiap masa jika ia hanya di ulang baca pada bulan Ramadhan sahaja. Bagaimana manusia dapat menjadikan al-Quran sebagai hakim pemutus dalam segala permasalahan yang dihadapi oleh manusia kalau al-quran hanya ditaduruskan ayat-ayatnya untuk bacaan setahun sekali sahaja. Ingatlah firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 65;

فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ حَتَّىٰ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ
بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ
وَيُسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

"Maka Demi Tuhanmu (Wahai Muhammad)! mereka tidak disifatkan beriman sehingga mereka menjadikan Engkau hakim dalam mana-mana perselisihan yang timbul antara mereka, kemudian mereka pula tidak merasa di hati mereka sesuatu keberatan dari apa yang telah Engkau hukumkan, dan mereka menerima keputusan itu dengan sepenuhnya".

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Silaturrahim sesama ummah adalah contoh tauladan dari Rasulullah SAW yang perlu dijadikan ikutan. Orang yang beriman tidak akan membiarkan saudara seagamanya berada dalam kepayahan hidup,



kemiskinan dan kejahilan. Melalui madrasah Ramadhan kita dapat lihat di seluruh dunia umat islam berlumba-lumba menyantuni fuqara, masakin dan anak-anak yatim. Jelas kelihatan persaudaraan dan persahabatan terjalin dalam kerjasama berpasukan menyantuni mereka khususnya melalui sedekah dibulan Ramdhan yang di anjurkan oleh masjid-masjid, surau-surau, agensi kerajaan, badan korporat mahupun badan bukan kerajaan. Mudah-mudahan mereka tidak hanya dijadikan sebagai alat untuk paparan dimuka-muka akhbar atau hanya di lensa televisyen yang ditunjukkan sebagai aktiviti bermusim khususnya di bulan Ramadhan. Ingatlah bahawa Allah SWT menghendaki kita menyantuni mereka yang memerlukan ini sepanjang waktu dengan penuh keikhlasan.

Ini jelas sebagaimana diingatkan kepada kita melalui firman-Nya dalam surah al-insan ayat 8-9;

وَيُطْعَمُونَ الطَّعَامَ عَلَىٰ حُبِّهِ مِسْكِينًا وَيَتِيمًا
وَأَسِيرًا ﴿٨﴾ إِنَّمَا نَطْعِمُكُمْ لَوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً
وَلَا شُكُورًا ﴿٩﴾

"Mereka juga memberi makan benda-benda makanan Yang dihajati dan disukainya, kepada orang miskin dan anak yatim serta orang tawanan, (sambil berkata Dengan lidah atau Dengan hati): "Sesungguhnya Kami memberi makan kepada kamu kerana Allah semata-mata; Kami tidak berkehendakkan sebarang balasan dari kamu atau ucapan terima kasih".

Muslimin yang dikasihi Allah SWT sekalian,



Terlalu banyak yang mahu dihayati melalui tarbiyah madrasah Ramadhan bagi mereka yang mahu meneladaninya. Ini kerana sesuatu ibadah yang didatangkan oleh Allah SWT dalam satu pakej seperti Bulan Ramadhan iaitu melalui kewajiban berpuasa, diturunkan Al Quran dan terdapatnya Malam Lailatul Qadr yang lebih baik dari seribu bulan. Maka kewajarannya bagi kita yang berakal seharusnya menyedari ianya bukan suatu bentuk tarbiyah yang boleh dipandang mudah seperti yang kita lalui selama ini.

Sering berlaku apabila Ramadhan berlalu, maka masjid pun kembali sunyi, solat berjemaah dimasjid kembalikan sepi, kitab alquran hanya tinggal tersusun rapi, silaturrahim dikalangan anak-anak kariah kembali renggang, fakir miskin dan anak-anak yatim tidak dipedulikan dan disantuni lagi. Persoalannya kenapakah nafsu yang kita didik sepanjang Ramadhan gagal untuk kita bawa diluar Ramadhan? Sewajarnya tarbiyah bulan Ramadhan itu mampu meninggalkan kesan yang berskala besar kepada umat Islam yang melalui pendidikan Ramadhan dengan penuh keimanan dan beramal dengan penuh keikhlasan. Setiap perkara yang diperintahkan oleh Alla kepada hambanya pasti ada suatu pengajaran dan pendidikan yang amat bermanfaat kepada manusia.

Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 3;

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ أَحْسَنَ الْقَصَصِ بِمَا أَوْحَيْنَا
إِلَيْكَ هَذَا الْقُرْآنَ وَإِنْ كُنْتَ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ
الْغَافِلِينَ



"Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya".

Mudah-mudahan kita tidak lupa dengan segala nikmat ketika berada dibulan Ramadhan dengan meningkatkan amal ibadah dan bersungguh-sungguh melaksanakannya kerana itu adalah sebagai tanda betapa Ramadhan amat berkesan di sanubari kita.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita sama-sama mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan.

1. Umat Islam hendaklah memperkukuhkan pegangan akidah pengamalan syariah dan berakhlak dengan akhlak islamiah pada setiap masa.
2. Umat Islam sewajarnya menghayati tarbiah madrasah Ramadhan terutama dalam berakhlak dengan sifat-sifat mahmudah dan menjauhi sifat-sifat mazmumah.
3. Umat Islam hendaklah bersabar menghadapi ujian dari Allah seperti mana sabarnya ketika berpuasa dengan menahan diri dari lapar dan dahaga serta tuntutan nafsu syahwat.
4. Umat Islam hendaklah sentiasa menunaikan ibadah sebagai hamba Allah dengan penuh ikhlas dan tawaduk kerana Allah SWT kerana ia adalah syarat utama amalan diterima dan diberi pahala.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ
وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

"Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah Dengan mengikhlaskan Ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. dan Yang demikian itulah ugama Yang benar".

(al-Baiyinah ; 5).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Pada masa yang sama kita juga disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman sesat dan perbuatan ekstrem yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan dan keselamatan ummah dan Negara. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.



إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ
سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه



الحاج ابن المرحوم سلطان صلاح الدين عبد
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيَوْلِيَّ عَهْدِ
سَلَاغُورَ، تَعَكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فی أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau



redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain serta mewakafkan dan menginfakkan harta khususnya untuk Perbadanan Wakaf Negeri Selangor (PWS) dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS). Dengan amalan ini ya Allah, berkatilah hidup dan luaskanlah rezeki kami dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**
JAIS/Nurul
30.06.2016